



WAN HARON WAN HASSAN

ICERD: Isu sensitif tangani dengan sensitif

Sinar HARIAN 14/11/2018 M/S 14

Ketua Armada Bersatu, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman yang juga Menteri Belia dan Sukan menolak proses untuk meratifikasi ICERD jika ianya melemahkan atau mengahakis fungsi dan kesan Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan, sistem Raja Berperlembagaan, kedudukan Islam dan mana-mana hak termaktub dalam Perlembagaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusuf Rawa pula berkata, ramai yang tidak faham tentang implikasi ICERD dan beliau memberi jaminan bahawa ratifikasi ICERD tidak akan mem-



Apa itu ICERD?

ICERD adalah singkatan kepada International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination atau Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Kaum.

ICERD adalah satu instrumen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkenaan hak asasi ma-

tu (PBB) berkenaan hak asasi manusia. Ia berkuat-kuasa ke atas negara-negara yang meraktifikasinya untuk menghapus semua bentuk diskriminasi kaum tertakut kepada apa-apa pengecualian yang dibuat negara berkenaan bab-bab tertentu.

Dalam konvensyen ini, istilah 'diskriminasi kaum' bermaksud sebarang perbezaan, pengecualian, sekatan atau keutamaan berdasarkan bangsa, warna, keturunan, atau asal-usul kebangsaan atau etnik yang mempunyai maksud atau kesan membatalkan atau merosakkan pengiktirafan, penikmatan dan penggunaan, atas asas yang sama, hak asasi manusia.

Malaysia adalah salah satu daripada 15 negara yang belum lagi meratifikasikan ICERD. Kerajaan sedang mengkaji implikasinya sebelum membuat keputusan. Polemik dan debat keputusan yang wajar berkenaannya sedang hangat dibicarakan sekarang.

Pandangan berbeza

Mantan Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad tidak bersetuju dengan usaha kerajaan untuk meratifikasikan konvensyen tersebut kerana bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan akan menyebabkan hak istimewa orang Melayu dan anak-anak negeri Sabah dan Sarawak di bawah Artikel 153 akan terhapus.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki juga berpandangan bahawa ICERD jelas bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan tentang hak istimewa orang-orang Melayu, Bumiputera, kedudukan agama Islam dan institusi Raja-Raja Melayu.

Mengikutnya cadangan ratifikasi ICERD boleh dilihat sebagai langkah pihak-pihak tertentu yang dominan dalam Kerajaan PH untuk menghakis asas utama dalam Perlembagaan Persekutuan dan menjadi satu ancaman kepada kedaulatan negara.

berikan kes kepada undang-undang dan apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Majlis Peguam Malaysia telah mengeluarkan kenyataan bahawa tidak wujud apa-apa percanggahan dalam intipati kandungan ICERD dan peruntukan di bawah Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan.

Dalam wawancara dengan Bloomberg TV di Singapore baru-baru ini, Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu bahawa Melayu perlu diberi masa untuk memahami dan menerima perubahan polisi yang melibat atau menyentuh hak istimewa mereka.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahatir Mohamad pula berkata, hala tuju ICERD perlu dirunding dengan semua kaum di Malaysia, kerana perkara ini bukan mudah memandangkan negara ini ada pelbagai kaum. Ia perlu ditangani dengan penuh cermat sebelum kerajaan mencatur sebarang keputusan muktamad.

Hakikat dan realitinya

Polemik mengenai ICERD ini adalah satu perkembangan yang baik dan wajar diteruskan jika ianya diadakan dalam kerangka perbincangan intelek dengan penuh rasa tanggung-jawap. Malangnya ada pihak-pihak tertentu yang sengaja hendak mengeruhkan suasana dengan memutar-belitkan hujah dan mengadu-domba di antara kaum tanpa merujuk kepada fakta atau dokumen-dokumen yang relevan dan berkaitan.

Peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan ICERD juga disalah-tafsirkan untuk memberi gambaran bahawa hak istimewa orang Melayu, kedudukan agama Islam dan Institusi Raja akan terhapus secara otomatisnya jika negara meratifikasikan ICERD tersebut.

Hakikatnya, ICERD memberi pengiktirafan kepada diskriminasi positif (affirmative discrimination) dan juga memberi ruang kepada negara untuk membuat pengecua-

lian tentang bab-bab tertentu termasuk hak-hak istimewa orang Melayu.

Bagaimana tangannya?

Sebagai seorang Melayu Islam, penulis hanya berkeupayaan untuk menilai dan merungkai jalan penyelesaian ICERD mengikut prisma dan dalam kerangka Islam sahaja. Mengikut fahaman penulis, Islam tidak mengiktirafkan politik perkauman.

Kita sedia maklum firman Allah yang menyebut: "Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya ALLAH Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuan-Nya. (Al-Hujurat: 13)

Sabda Nabi SAW: "Wahai manusia! Sesungguhnya Tuhan kamu sama, bapa kamu sama (Adam). Ketahuilah! Tiada kelebihan orang arab ke atas 'ajam (yang bukan arab), atau 'ajam ke atas arab, atau yang berkulit merah ke atas yang berkulit hitam, atau yang berkulit hitam ke atas yang berkulit merah melainkan ketakwaan" (Riwayat Ahmad dan al-Baihaqi, dinilai hasan oleh al-Albani).

Firman ALLAH dalam Surah Al-Hujurat yang bermaksud: "Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi ALLAH ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya ALLAH Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuan-Nya." (Ayat 10)

Mufti Perlis, Datuk Dr. Mohd Asri Zainul Abidin ada mengulas bahawa tiada kaum yang boleh

menganggap mereka 'lebih tuan' dalam etikata 'racial supremacy'.

Mengikut beliau, apa-apa sahaja tindakan atau peraturan yang boleh membawa permusuhan kaum, atau permusuhan atas dasar bangsa dan etnik, maka ia menjurus kepada unsur ketidakadilan yang ditolak oleh prinsip asas Islam.

Tambahnya lagi, walaupun Islam menentang asabiyah namun Islam tidak menentang usaha membantu dan memartabatkan kaum sendiri, jika ada keperluan ke arah itu dan tidak membawa kepada permusuhan antara puak dan kaum.

Katanya, asabiyah sebenarnya adalah sikap berpuak yang membawa kepada membelakangkan kebenaran dan keadilan kepada kepada pihak lain. Sikap fanatik puak itu mungkin menjelma dalam bentuk bangsa, ataupun parti politik, atau mazhab, atau kumpulan atau apa sahaja yang fanatik dan menolak kebenaran orang lain.

Sabda Nabi: "Sesiapa yang berperang di bawah rayah 'immiyyah (bendera kebutaan) dan menyeru kepada 'asabiyah atau marah kerana 'asabiyah maka kematiannya adalah jahiliyyah".

Nabi juga bersabda bahawa: "Sesiapa yang menyakiti orang bukan Islam yang berada di bawah perlindungan Islam, maka ia telah menyakiti aku, dan barang siapa yang menyakiti aku, maka ia telah menyakiti Tuhan."

Merujuk dan bersandarkan kepada ayat-ayat Quran dan hadis-hadis tersebut diatas, maka adalah jelas bahawa Islam menentang keras sikap perkauman.

Realiti hari ini dan masa depan Melayu

Dunia hari sudah terbuka luas di mana setiap negara dan pelosok daerah menjadi sebuah perkampungan global. Yang saling mempengaruhi di antara satu sama lain.

Untuk terus relevan, berdaya

maju dan diterima masyarakat dunia, orang Melayu perlu akur dengan order baru yang diasakan di atas nilai-nilai sejagat manusia. Apatah lagi apabila nilai-nilai tersebut selari dan seiring dengan prinsip agama Islam kita.

Jika kita benar-benar hidup bertunjangkan kepada agama kita dan aqidahnya, maka kita berkewajipan untuk menterjemahkan kepercayaan tersebut dalam bentuk amalan dan cara hidup harian kita. Menerima intipati ICERD adalah sesuatu yang sepatutnya tidak menjadi isu kepada Melayu Islam.

Malah ICERD adalah merupakan satu peluang istimewa untuk kita menunjukkan kepada masyarakat lain dan juga dunia luar tentang keindahan agama Islam. Islam sebagai rahmat kepada seluruh alam - Rahmatan Lil Alamin.

Dalam pada itu, orang-orang bukan Melayu perlu lebih berhati-hati bila membangkitkan isu berkenaan agar ianya tidak membuat orang Melayu rasa tercabar di mana kedudukan istimewa mereka diasak dan dipertikaikan oleh orang lain sekaligus bakal mengundang tindak balas dari mereka yang boleh mengancam perpaduan dan suasana harmoni yang kita kecapi hari ini.

Ibarat kata pepatah, bila menarik rambut dalam tepung, rambut janggan putus dan tepung janggan berserak. Mereka boleh untuk terus berbicara tentangnya tetap adalah lebih wajar dibiarkan dan diserahkan kepada kepimpinan Melayu untuk mengesal wacana perubahan ini untuk mengelak daripada wujudnya ketegangan atau persembungan antara kaum.

Isu yang sensitif perlu ditangani dengan penuh sensitif.

Tulisan ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mencerminkan pandangan majlis Sinerjia